

Pelaksanaan Reka Bentuk Instruksi Di Kalangan Guru-Guru Sekolah Menengah Di Sekitar Daerah Muar Johor
Rio Sumarni Sharifuddin& Fauziah Binti Huyop
Fakulti Pendidikan,
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak : Kajian ini mengkaji pelaksanaan reka bentuk instruksi di kalangan guru-guru sekolah menengah di sekitar Daerah Muar. Kajian ini melibatkan 105 orang responden guru-guru sekolah menengah. Kajian ini berbentuk deskriptif dan menggunakan instrumen soal selidik dengan skala Likert bagi mengukur pelaksanaan reka bentuk instruksi bagi setiap fasa. Fasa-fasa tersebut ialah fasa analisis, fasa reka bentuk, fasa pembangunan, fasa pelaksanaan, dan juga fasa penilaian. Dapatkan kajian mendapati kelima-lima fasa tersebut mencatatkan nilai min melebihi 3.5 iaitu fasa analisis dengan nilai min 4.158, fasa reka bentuk dengan nilai min 3.88, fasa pembangunan dengan nilai min 3.796, fasa pelaksanaan dengan nilai min 3.527, dan fasa penilaian dengan nilai minnya 3.954. Pelaksanaan reka bentuk instruksi secara umum mencatatkan nilai min 3.773. Keseluruhannya, guruguru sekolah menengah di sekitar Daerah Muar ini memahami tetapi tidak melaksanakan reka bentuk instruksi dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Dapatkan kajian juga mendapati, hubungan di antara fasa pembangunan dan fasa pelaksanaan dengan konsep reka bentuk instruksi ini adalah lemah, tetapi sebaliknya bagi fasa analisis, reka bentuk, dan juga penilaian. Di samping itu, kajian ini juga mengemukakan cadangan kajian lain seperti mengkaji keberkesanan pelaksanaan reka bentuk instruksi di kalangan guru-guru mengikut mata pelajaran yang diajar. Dengan itu, pihak yang berkaitan hendaklah memberi penerangan serba sedikit tentang reka bentuk instruksi supaya ia dapat dilaksanakan semasa mengajar.

Katakunci : reka bentuk instruksi, guru-guru sekolah menengah

Pendahuluan

Pendidikan merupakan proses penyampaian ilmu pengetahuan daripada pendidik kepada pelajar. Proses ini boleh berlaku secara formal atau tidak formal. Pelaksanaan sistem pendidikan di sekolah adalah berdasarkan Laporan Jawatankuasa Kabinet yang mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran pada 1979, Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) yang telah diperkenalkan pada tahun 1982, diikuti dengan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) pada tahun 1988 dengan tujuan untuk mewujudkan sistem pendidikan yang bermutu.

Menurut Esah Sulaiman (2003), proses pengajaran boleh dijelaskan sebagai proses menyampaikan maklumat, menyediakan peluang dan memberi pengalaman serta memupuk nilai yang boleh mendatangkan perubahan daripada tingkah laku dan meningkatkan kebolehan kognitif pelajar.

Pendidikan yang bermutu akan dapat dilaksanakan melalui perancangan reka bentuk instruksi dan pembelajaran yang berkesan. Reka bentuk dan pembangunan bahan pengajaran dan pembelajaran hendaklah mengambil kira beberapa aspek penting seperti pedagogi, teori pembelajaran, model, dan kaedah pengajaran. Pelaksanaan reka bentuk instruksi guru merupakan aspek penting yang perlu diberi penekanan kerana ia merupakan titik tolak kepada sesebuah kecemerlangan dalam pembelajaran. Proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan, efisien dan berpotensi dalam meningkatkan produktiviti terhasil apabila tenaga pengajar sedar akan kepentingan reka bentuk instruksi yang digunakan. Menurut Baharuddin (2002), reka bentuk instruksi terbahagi kepada dua iaitu reka bentuk instruksi tradisional dan reka bentuk instruksi bersistem. Walaubagaimanapun, terdapat penyelidikan yang menyatakan bahawa bilangan guru yang melaksanakan reka bentuk instruksi di dalam pengajaran mereka amat kecil bilangannya.

Pernyataan Masalah

Seperti yang kita semua sedia maklum, kita percaya hampir kesemua guru mempunyai pengetahuan mengenai aspek pedagogi, teori pembelajaran, teori reka bentuk instruksi, model, dan media yang digunakan. Peranan guru terhadap murid ialah mengajar, mendidik, membimbing murid yang bermasalah dan memastikan tingkah laku murid sentiasa dalam keadaan terkawal. Bagi melaksanakan tanggungjawab ini, guru seharusnya berusaha meningkatkan pencapaian pelajar melalui kaedah pengajaran yang bersistematik. (Mohd Salleh lebar,1998). Persoalannya, adakah guru melaksanakan atau mempraktikkan teori-teori ini dalam proses pengajaran dan pembelajaran? Dengan itu, satu kajian akan dijalankan untuk mengkaji pelaksanaan reka bentuk instruksi di kalangan guru di sekolah menengah. Kajian ini juga akan membincangkan mengenai bagaimana reka bentuk instruksi dan model yang dirancang dapat dilaksanakan secara praktikal.

Proses mereka bentuk instruksi adalah sangat penting dalam pendidikan. Amalan proses mereka bentuk instruksi ini akan dapat menambahkan kecekapan dan keberkesan pengajaran. Ia juga adalah untuk memastikan pelajar berminat dalam mempelajari pelajaran yang disampaikan, memastikan proses pengajaran dan pembelajaran dilakukan secara kos efektif, serta memastikan kandungan pembelajaran menepati objektif yang diingini. Selain itu, reka bentuk instruksi ini juga penting bagi memastikan pembelajaran boleh diaplikasikan kepada semua senario yang berpadanan dan memastikan pelajaran yang dirancang dapat disampaikan dalam masa yang diperuntukkan.

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan berasaskan kepada beberapa objektif yang telah dikenalpasti. Objektif kajian ini ialah :

- i. Mengkaji pelaksanaan konsep rekabentuk instruksi secara umum di kalangan guru-guru sekolah menengah.
- ii. Mengenalpasti amalan reka bentuk instruksi di kalangan guru-guru sekolah menengah.
- iii. Mengkaji sama ada terdapat hubungan antara fasa analisis, rekabentuk, pembangunan, pelaksanaan, dan penilaian terhadap pelaksanaan pengajaran oleh guru-guru sekolah menengah.

Batasan Kajian

Kajian ini dilaksanakan kepada guru-guru di beberapa buah sekolah menengah di sekitar Daerah Muar. Data adalah dikumpulkan dari borang soal selidik yang diedarkan kepada responden. Jawapan yang diberi adalah mengikut keihklasan responden. Kajian ini dijalankan di beberapa buah sekolah menengah di daerah Muar sahaja, dengan itu, data yang diperolehi tidak boleh digeneralisasikan kepada semua sekolah menengah.

Reka bentuk kajian

Reka bentuk kajian adalah kaedah bagi membolehkan maklumat diperolehi untuk menjawab persoalan kajian yang dibina. Reka bentuk kajian adalah merupakan keseluruhan rangka kerja penyelidikan bagi menjawab dan mencapai objektif kajian. Kajian ini merupakan kajian deskriptif berbentuk tinjauan menggunakan soal selidik. Soal selidik ini dijalankan bagi mendapatkan data kuantitatif yang berkaitan dengan pelaksanaan reka bentuk pengajaran di kalangan guru-guru sekolah menengah.

Populasi dan sampel kajian

Populasi bagi kajian ini adalah guru-guru sekolah menengah di sekitar Daerah Muar. Bilangan populasi ialah 140 orang guru bagi tiga buah sekolah menengah Daerah Muar. Daripada populasi yang ada, beberapa sampel ditentukan menggunakan Jadual Krejcie, R. V dan Morgan D.W.

Bilangan sampel bagi kajian ini ialah 105 orang guru sekolah menengah yang mengajar di Daerah Muar. Responden terdiri daripada lelaki dan perempuan serta berbilang kaum, bangsa dan agama.

Instrumen Kajian

Dalam kajian ini, penyelidik telah menggunakan instrumen berbentuk soal selidik yang diedarkan kepada responden bagi tujuan untuk mendapatkan maklum balas daripada responden. Menurut Mohamad Najib Abdul Ghafar (2003), soal selidik merupakan salah satu kaedah yang digunakan untuk mendapatkan maklumat. Ia selalu digunakan untuk mengetahui sikap seseorang dengan menggunakan soalan terbuka, senarai semak, atau skala kadar.

Dalam penyelidikan ini, kajian telah dijalankan dengan menggunakan soal selidik menggunakan skala Likert. Responden akan memilih jawapan samada sangat tidak setuju, tidak setuju, tidak pasti, setuju, dan sangat setuju dan skala skor seperti dalam jadual. Kelebihan menggunakan kaedah Likert ialah soal selidik lebih menjimatkan masa, tenaga, dan kos. Maklumat yang diperolehi daripada responden mudah dianalisis dan mudah ditadbir setelah dibina dengan baik.

Analisis Data

Reka Bentuk Secara Umum

Kebanyakkan responden memahami teori pembelajaran tingkah laku dan teori pembelajaran kognitif. Ini adalah berdasarkan peratusan responden yang bersetuju dengan pernyataan tersebut adalah tinggi iaitu masing-masing 67.6 peratus, 78.1 peratus, dan. Ini sekaligus menyumbang kepada nilai min tertinggi (4.02).

Manakala nilai min terendah (2.95) pula merujuk kepada pernyataan ke sepuluh iaitu; *Saya faham fasa-fasa dalam model reka bentuk instruksi (ADDIE)*. Jumlah responden melebihi 50 peratus tidak pasti dengan pernyataan tersebut.

Daripada pernyataan-pernyataan tersebut, kita boleh membuat anggapan bahawa guru-guru sekolah menengah hanya memahami teori pembelajaran tetapi tidak mengetahui fasa-fasa dalam mereka bentuk pengajaran. Selain daripada itu, didapati tiga pernyataan iaitu pernyataan ketujuh, kelapan dan kesembilan juga mencatatkan nilai min yang tinggi iaitu 3.99, 3.93, dan 3.73.

Maka ini menunjukkan guru-guru sekolah menengah tidak mengetahui fasafasa dalam mereka bentuk pengajaran tetapi mereka hanya tahu mengenai teori-teori pengajaran seperti teori pembelajaran tingkah laku, kognitif, konstruktivis dan lain-lain. Mereka juga mengaplikasikan teori-teori pembelajaran ini dalam menyediakan bahan pengajaran mereka. Secara keseluruhannya nilai min yang dicatatkan ialah 3.773, menunjukkan guru-guru sekolah menengah faham mengenai konsep reka bentuk instruksi dan mereka melaksanakan reka bentuk instruksi dalam proses pengajaran mereka.

Analisis

Min tertinggi adalah bagi pernyataan 18 iaitu; *Saya akan memastikan kandungan pelajaran mengikut sukanan pelajaran yang ditetapkan*. Ini adalah berdasarkan peratusan responden bersetuju dan sangat bersetuju dengan pernyataan tersebut (46.7 peratus dan 49.5 peratus).

Min terendah pula adalah bagi pernyataan ke-12 iaitu pernyataan mengenai pengetahuan guru tentang latar belakang pelajarnya (3.96). Peratus responden yang setuju dan sangat setuju dengan pernyataan ini ialah 62.9 peratus dan 13.3 peratus. Manakala peratus responden yang tidak pasti dengan latar belakang pelajarnya adalah sebanyak 23.8 peratus dimana ia dianggap peratusan yang tinggi dalam kajian ini.

Daripada pernyataan-pernyataan tersebut, didapati bahawa guru-guru sekolah menengah melaksanakan fasa analisis dalam reka bentuk instruksi mereka. Berdasarkan maklumbalas ini menunjukkan mereka menentukan pengetahuan sedia ada pelajar, mengetahui kekuatan pelajar,

mengenalpasti matlamat pengajaran, mengenalpasti gaya pembelajaran pelajar, menentukan bahan pengajaran serta menentukan masa dan ruang yang diperlukan semasa membuat perancangan pengajaran. Ini kerana hampir semua pernyataan memperoleh min yang menghampiri 4.0 dan yang melebihi 4.0.

Dengan ini menunjukkan bahawa guru-guru sekolah menengah majoritinya melaksanakan fasa analisis dalam merancang pengajarannya. Walaupun begitu, sebahagian daripada mereka tidak pasti tentang pelaksanaan fasa analisis dalam merancang pengajaran. Secara keseluruhannya, guru-guru sekolah menengah ini melaksanakan fasa analisis kerana purata min bagi fasa ini melebihi 4.0 iaitu sebanyak 4.158.

Reka Bentuk

Pernyataan tersebut ialah; *Saya akan menentukan objektif/hasil pembelajaran semasa membuat perancangan pengajaran*. Ini berkemungkinan kerana ia menjadi lumrah bagi setiap guru untuk menentukan objektif pengajaran dan hasil pengajaran yang diinginkan semasa merancang pengajaran.

Pernyataan ke-28 pula mencatatkan nilai min yang terendah iaitu 1.99 dengan hanya 10.5 peratus responden bersetuju dan sangat bersetuju manakala selebihnya tidak pasti dan tidak bersetuju serta sangat tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Ini menunjukkan kebanyakkan guru-guru sekolah menengah mempunyai strategi yang tertentu semasa merancang pengajaran. ini mungkin kerana kebolehan yang pelbagai bagi setiap pelajar.

Selain daripada dua pernyataan itu, daripada jadual di atas berdasarkan kepada nilai min kurang daripada 3.50, dapat dikenalpasti bahawa guru-guru sekolah menengah tidak pasti dalam pemilihan strategi *Gagne 9 Events of Instruction* (item-25), pendekatan Lima Fasa Needham (item-26), dan kaedah Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBL) dalam pengajaran (item-27). Selain itu, guru-guru sekolah menengah juga didapati menentukan tingkahlaku yang akan pelajar tunjukkan, menulis objektif pengajaran dengan jelas dalam perancangan pengajaran, mengukur pencapaian objektif pengajaran dengan memberi soalan atau latihan yang berkaitan, serta memilih strategi pengajaran yang bersesuaian dengan topic pengajaran. Secara keseluruhannya nilai min yang dicatatkan ialah 3.88, ini menunjukkan guru-guru sekolah menengah melaksanakan fasa mereka bentuk pengajaran mereka.

Pembangunan

Kebanyakkan responden menyediakan bahan pengajaran berdasarkan objektif atau hasil pembelajaran yang ingin dicapai. Ini adalah berdasarkan peratusan responden yang bersetuju dan sangat bersetuju dengan pernyataan tersebut adalah tinggi iaitu masing-masing 69.5 peratus dan 25.7 peratus. Ini sekaligus menyumbang kepada nilai min tertinggi (4.20).

Manakala nilai min terendah (2.50) pula merujuk kepada pernyataan ke-33 iaitu; *Bahan pengajaran yang saya sediakan tidak mengikut turutan strategi yang saya gunakan semasa mengajar*. Jumlah responden yang melebihi 50 peratus sangat tidak bersetuju, tidak bersetuju, dan tidak pasti dengan pernyataan tersebut.

Daripada kedua-dua pernyataan tersebut, kita boleh membuat anggapan bahawa guru-guru sekolah menengah melaksanakan fasa pembangunan dalam pengajaran mereka. Selain daripada itu, didapati hanya pernyataan ke-32 sahaja mencatatkan nilai min yang rendah iaitu 3.18, manakala pernyataan ke-29 dan ke-30 mencatatkan nilai min menghampiri 4.0 dan melebihi min 4.0.

Maka ini menunjukkan guru-guru sekolah menengah memikirkan soalan yang akan diuji semasa menyediakan bahan dan mereka menyediakan bahan pengajaran yang bersesuaian dengan topik pengajaran yang akan diajar.

Di samping itu mereka juga menyediakan bahan pengajaran dengan mengikut turutan strategi yang ingin mereka gunakan semasa mengajar. Secara keseluruhannya nilai min yang dicatatkan ialah

3.796, menunjukkan guru-guru sekolah menengah melaksanakan fasa pembangunan dalam pengajaran mereka.

Pelaksanaan

Pernyataan ke-35 mencatatkan nilai min tertinggi iaitu 4.06. Pernyataan tersebut ialah; *Semasa mengajar saya akan menukar strategi bila dirasakan sesuai*. Ini berkemungkinan kerana guru-guru perlu menyesuaikan strategi yang dirancang sebelum mengajar dengan tahap keupayaan pelajar menerima pelajaran semasa proses pengajaran berlangsung.

Pernyataan ke-37 pula mencatatkan nilai min yang terendah iaitu 3.07 dengan hanya 44.7 peratus responden bersetuju dan sangat bersetuju manakala selebihnya tidak pasti, tidak bersetuju, dan sangat tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Ini menunjukkan bahawa guru-guru menggunakan bahan pengajaran yang telah dibangunkan dan yang telah dirancang semasa mengajar.

Selain daripada dua pernyataan itu, daripada jadual di atas berdasarkan kepada nilai min melebihi 3.0, dapat dikenalpasti bahawa guru-guru sekolah menengah mengajar menggunakan alat bantuan mengajar seperti mengamalkan penggunaan perisian Microsoft PowerPoint, mempersemprehankan pengajaran dengan menggunakan perisian multimedia, menggunakan kertas sebagai alat bahan pengajaran dan juga mempersemprehankan pengajaran secara kuliah. Ini bermakna mereka melaksanakan pengajaran berdasarkan apa yang telah dirancang dan dengan persediaan yang secukupnya.

Secara keseluruhannya nilai min yang dicatatkan ialah 3.527, menunjukkan fasa pelaksanaan telah dilaksanakan berdasarkan persediaan yang telah dibuat dan dirancang.

Penilaian

Nilai min tertinggi dicatatkan pada pernyataan ke-44 iaitu; *Saya membuat penilaian terhadap pengajaran saya untuk peningkatan pada masa akan datang*. Sebanyak 95.3 peratus daripada jumlah responden bersetuju dan sangat bersetuju dengan pernyataan ini. Ini menunjukkan guru-guru di sekolah menengah melaksanakan penilaian terhadap pengajaran mereka bagi meningkatkan mutu pengajaran mereka pada masa akan datang.

Selain daripada itu, pernyataan ke-45 menunjukkan nilai min terendah iaitu 3.46. Seramai 58.1 peratus responden sahaja bersetuju dan sangat bersetuju dengan pernyataan tersebut. Maka, didapati tidak ramai guru yang meminta seseorang yang pakar untuk menilai pengajaran mereka. Ini mungkin kerana bebanan tugas yang dihadapi dan faktor masa yang mempengaruhi ianya tidak dilaksanakan.

Berdasarkan nilai min yang melebihi 3.50 dapat dikenalpasti pelaksanaan fasa penilaian dilaksanakan antaranya, guru membuat penilaian terhadap bahan pengajaran sebelum menggunakannya di dalam kelas, memberi pelajar menggunakan bahan pengajaran untuk tujuan penilaian, dan juga membuat penilaian terhadap pelajar untuk mengetahui keberkesanan pengajaran mereka.

Ini menyumbang kepada nilai min secara keseluruhannya iaitu 3.954 mencatatkan nilai yang lebih tinggi daripada fasa reka bentuk, fasa pembangunan, dan fasa pelaksanaan manakala lebih rendah daripada min fasa analisis.

Perbincangan

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji pelaksanaan reka bentuk instruksi secara umum dan mengkaji kefahaman guru-guru sekolah menengah terhadap konsep reka bentuk instruksi. Selain daripada itu juga, kajian ini turut mengkaji sama ada terdapat hubungan antara setiap fasa (analisis, reka bentuk, pembangunan, pelaksanaan, dan penilaian) dengan kefahaman guru tentang konsep reka bentuk instruksi. Setelah data yang diperolehi daripada seramai 105 orang responden dianalisa. Dapatkan kajian dapat dirumuskan mengikut persoalan kajian seperti berikut:

- a) Setiap guru sekolah menengah di sekitar Daerah Muar menyatakan bahawa mereka faham mengenai reka bentuk instruksi tetapi mereka tidak mengaplikasikannya di dalam proses pengajaran dan pembelajaran mereka. Mereka juga tahu mengenai teori-teori pengajaran yang ada dan mengaplikasikan ianya dalam proses pengajaran dan pembelajaran berdasarkan nilai min yang dicatatkan bagi aspek tersebut. Nilai min bagi keseluruhan aspek mengenai reka bentuk instruksi secara umum melebihi 3.70. Daripada nilai min ini juga didapati guru-guru faham tentang reka bentuk instruksi tetapi tidak mengaplikasikannya di dalam bilik darjah.
- b) Bagi analisa kefahaman mengenai konsep reka bentuk instruksi, majoriti mereka faham dengan konsep reka bentuk instruksi. Tetapi mereka tidak melaksanakan fasa-fasa di dalam reka bentuk pengajaran iaitu fasa analisis, fasa reka bentuk, fasa pembangunan, fasa pelaksanaan, dan juga fasa penilaian. Guru-guru melaksanakan fasa analisis, reka bentuk, dan penilaian tetapi mereka kurang melaksanakan fasa pembangunan dan juga pelaksanaan berdasarkan reka bentuk instruksi. Ini berdasarkan nilai min yang dicatatkan oleh dua fasa ini iaitu kurang daripada 3.60.

Rujukan

- Atan Long (1998) *Pedagogi Kaedah Am Mengajar*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Azizi Yahya et al. (2005) *Pembangunan Kendiri*. Skudai: Penerbit UTM.
- Baharuddin Aris, Jamalludin Harun, Zaidatun Tasir (2001) *Pembangunan Perisian Multimedia: Satu Pendekatan Sistematis*. Kuala Lumpur: Venton Publishing.
- Chiapetta, E.L, Koballa, T.R, and Collete, A. (1998). *Science Instruction in The Middle and Secondary Schools*. New Jersey: Prentice Hall.
- Daiute, C (1985) *Writing and Computers Reading*, MA: Addison Wesley Pub Co. Dic, W. & Carey, L. (1996). *The Systematic Design of Instruction*. Harper Collins College Publishers, New York.
- Esah Sulaiman (2003). *Asas Pedagogi*. Johor Bahru: Cetak Ratu Sdn Bhd.
- Gagne, R. M. (1966). *The Condition of Learning*. New York: Holt, Rinehart and Winston.
- Hapidah Mohamad et al (2002). *Guru Cemerlang Mempunyai Sikap Prihatin*. Sekitar Konferens Atarabangsa Pertama Pendidikan Guru. 6-8 Mei 2002.
- Kevin Marjovibanks (1991) *The Foundations of Students Learning*. Great Britain : Pergamon Press.
- Lindermann, S. and Willert, J. (1985) *Word Processing In High School Writing Classes*. In : James L. Collins and Sommers, E.A (ed). *Writing On-line*. New York: Boynton/ Cook Publishers.
- Lockard, J. Abrams, P.D, and Many, W.A (1987). *Microcomputers For Educators*. Boston: Little Brown.
- Mok Soon Sang (2001) *Psikologi Pendidikan untuk Kursus Diploma Perguruan Semester 2*. Subang Jaya : Kumpulan Budiman Sdn Bhd.
- Nash, J. and Schwartz, L (1985). *Making Computers Work In The Writing Class*. Educational Technology. 25(3). 19-26.
- Parrot, Elizabeth (1986) *Effective Teaching*. London and New York: Longman, 7th ed.
- Pusat Perkembangan Kurikulum (1998) *Kemahiran Berfikir dalam Pengajaran dan Pembelajaran*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Rohana Man. (2002, Mei 08), *Guru Cemerlang Mempunyai Sikap Prihatin*. Berita Harian Sdn Bhd.
- Rohani Awang Chik. (1991). *Beban Tugas Guru dalam Pelaksanaan KBSM*. Universiti Malaya: Tesis Sarjana: Tidak Diterbitkan.
- Schramm, W. (1997). *Big Media, Little Media*. Beverly Hills. CA: Sage Publication
- Sharifah Alwiah Alsagoff (1897). *Psikologi Pendidikan II: Psikologi Pembelajaran dan Kognitif, Bimbingan dan Kaunseling*. Longman Malaysia Sdn. Bhd.
- Zainuddin (1998). *Pendidikan Negara dan Hala Tujuhnya*. Seminar Perancangan Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.